

TALKING POINT  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS  
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN  
PADA 13 APRIL 2011  
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib  
Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku  
Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadhrat Allah SWT kerana diberi keizinan olehNya untuk sama-sama kita berkumpul pada pagi yang berbahagia ini untuk merapatkan lagi hubungan sesama kita warga kerja UniMAP dalam aktiviti mingguan kita iaitu Perjumpaan Mingguan Bersama Naib Canselor. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada semua warga UniMAP yang hadir pada hari ini.

**Ladies and gentlemen,**

**A lot of activities have been going on over the past weeks. Apart from the i-ENVEX that was held last weekend, we just hosted a meeting of Deputy Vice-Chancellor for Research and Innovation at the main campus last two days. I would like to thank the committee for their hard work in ensuring the success of the program. I also hope that this will continue in the future.**

**Last week on the other part of the world, our researchers participated in the 39th International Exhibition Of Invention New Techniques & Products in Geneva, Switzerland. Alhamdulillah, we obtained a 100 percent success after successfully won two gold medals through 'Eye-Sim' by Assoc. Prof. Dr. Kenneth Al Sundaraj and Durio - Plast: As Bio Degradable Polymer Composite by Dr. Hakimah Osman.**

**Meanwhile, two other products that won silver medal are “An Intelligent Voice Communication System for Hearing Impaired” by Assoc. Prof. Dr. Hazry Desa and Green Polymer From Modified Water Hyacinth Fibers by Dr. Supri A Ghani. Congratulations to all the winners and please give them a big round of applause. I believe that the achievements in the international competition will help us achieve the goals set for the international visibility.**

Hadirin dan hadirat sekalian,

Satu lagi berita baik adalah apabila kita muncul johan keseluruhan selepas meraih lima pingat emas, lima perak dan 10 gangsa pada International Engineering Invention and Innovation Exhibition (i-ENVEX2011) yang berlangsung di Dewan 2020 baru-baru ini.

Para penyelidik muda kita meraih empat anugerah khas melalui Produk Eco-Friendly Thermoplastic From Glutinous Rice Starch dan Automated Umpire Chair, masing-masing dihasilkan oleh Chan Ming Yeng dan Koay Seong Chun dari PPK Bahan; dan Mohd Hafiz Talib, Shafeeq Ahmad Shamim Ahmad, Jawadi Fawazi Jafri dan Muhd Norazman Nik dari PPK Pembuatan yang dianugerahkan i-ENVEX Best Award Classed D dan i-ENVEX Best Award Classed F.

Kita juga turut meraih Anugerah khas UniMAP Vice Chancellor Award melalui produk Fabrication of Organic Light Emitting Diode (OLED) And Organic Light Emitting Transistor (OLET) oleh Sarveshvaran A/L Suppiah dari PPK Mikroelektronik dan produk Robust Novel Green Composite Solder hasil ciptaan Flora Somidin, Syazril Azwan Alias dan Muhammad Anas Husnan dari PPK Bahan mendapat CIMA Grand Award. Saya berasa amat berbangga kerana melalui i-ENVEX2011 ini, para penyelidik muda kita berpeluang untuk bersaing bersama 500 penyelidik lain yang datang dari dalam dan luar negara antaranya dari Indonesia, Cambodia, Thailand, Laos, Filipina dan Singapura.

Saya percaya dengan penglibatan UniMAP dalam pertandingan peringkat antarabangsa membantu kita untuk mencapai sasaran yang saya tetapkan iaitu keterlihatan

antarabangsa. Saya optimis bahawa nama UniMAP sedang meniti di setiap bibir masyarakat antarabangsa di atas pelbagai kejayaan yang telah kita raih.

Pencapaian yang kita raih ini sebenarnya membuktikan bahawa kita sememangnya mampu untuk bersaing di peringkat antarabangsa dan tidak perlu lagi berasa malu atau gentar untuk bersaing bersama mereka. Tiada apa yang membezakan diantara kita dan mereka. Dari sudut penghasilan produk, sememangnya tidak dinafikan bahawa kita juga setanding dengan mereka. Cuma kadang-kala, sebagai universiti yang agak junior, kita sering memperkecilkan diri sendiri dengan perasaan tidak yakin pada diri sendiri. Namun, dengan kemenangan yang kita kecapai ini, sedikit sebanyak akan menaikkan 'self-esteem' kita dan saya percaya pelbagai kejayaan lagi yang bakal kita raih. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua penyelidik kita dan saya percaya ini adalah permulaan yang baik untuk tahun 2011 ini dan berharap lebih banyak kejayaan dan kemenangan dalam pelbagai bidang akan diperolehi UniMAP. Saya tidak mahu bercakap panjang pada hari ini, sebelum mengakhiri ucapan, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun:

**Pokok semalu tumbuh melata,  
Tumbuh melata di tepi perigi  
Keterlihatan Antarabangsa Sasaran Kita,  
Bakal Diraih Tiga Tahun Lagi**

Dengan itu, saya sudahi ucapan saya pada pagi ini dengan  
Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh....